



15 Mac 2017
15 March 2017
P.U. (A) 76

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

UNDANG-UNDANG KECIL LARANGAN MELUDAH
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2017

*PROHIBITION AGAINST SPITTING (FEDERAL TERRITORY
OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 2017*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL LARANGAN MELUDAH
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperenggan 73(1)(b)(i) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Larangan Meludah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2017**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2017.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“meludah” ertinya perbuatan mengeluarkan apa-apa cecair dari mulut dan termasuk mengeluarkan apa-apa cecair dari hidung;

“tempat awam” hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang ditafsirkan dalam seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

Larangan meludah

3. Tiada seseorang pun boleh meludah di mana-mana tempat awam melainkan di tempat yang dikhaskan untuk bersuci atau bekas yang disediakan untuk meludah.

Penalty

4. Mana-mana orang yang melanggar peruntukan Undang-Undang Kecil ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi